

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PELANCONGAN LANCAR PROGRAM DUTA TEKSI PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 15 Mac 2012 – Kementerian Pelancongan hari ini menjadi perintis dalam mewujudkan program “Duta Teksi Pelancongan” dengan perlantikan seramai 4,000 pemandu teksi sekitar Lembah Kelang.

Program selama enam bulan ini melibatkan 3,000 pemandu teksi bajet, 500 pemandu teksi limosin dan 500 pemandu teksi eksekutif dari sekitar Lembah Kelang.

“Pemandu teksi sebagai petugas barisan hadapan (*frontliners*) kerap berinteraksi secara langsung dengan pelancong harus memberi maklumat yang betul serta menjaga imej negara. Ini amatlah penting kerana terdapatnya peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong,” kata Menteri Pelancongan YB Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen.

Beliau berkata kepada pemberita semasa majlis pelancaran di sini di Pusat Pelancongan Malaysia (atau MaTiC). Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg Dato’ Dr Ong Hong Peng dan ahli-ahli daripada Persatuan dan Pengusaha Teksi Lembah Kelang.

Di majlis pelancaran tersebut, YB Dato’ Sri Dr Ng Yen Yen turut mengendalikan modul pertama kursus latihan yang bertajuk “Latar Belakang dan Dasar Pelancongan Malaysia” kepada para pemandu teksi yang hadir.

Penganjuran kursus sehari oleh Kementerian ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai produk-produk pelancongan negara serta etika dan tatacara sebagai pemandu teksi berhemah.

Selain mendedahkan mereka kepada produk-produk pelancongan tempatan, kursus akan turut menyentuh topik-topik tentang kekayaan *biodiversity*, keharmonian, program transformasi Kerajaan dan lain-lain.

”Jika setiap ‘Duta’ berjaya mempromosikan Malaysia dengan baik kepada 10 orang pelancongan sehari, secara keseluruhannya pada hari berkenaan sahaja, promosi mengenai Malaysia dapat diberikan kepada 40,000 orang pelancong,” tambah YB Dato’ Sri Dr Ng Yen Yen.

Di penghujung program selama enam bulan, “Duta Teksi Pelancongan” yang menunjukkan prestasi cemerlang akan diberikan pengiktirafan dan penarafan bintang oleh pihak Kementerian.

Para pemandu teksi yang menyertai kursus pada hari ini bukan sahaja akan menerima Sijil Kursus dan Kad Duta Teksi Pelancongan Malaysia, mereka juga telah diberikan elaun hilang langka sebanyak RM100.

Pengiktirafan dan penarafan bintang akan diberikan kepada mereka yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tempoh program ini dijalankan.

Prestasi setiap pemandu akan dipantau melalui maklum balas daripada orang ramai serta melalui borang maklum balas pelancong yang diletakkan dalam setiap teksi yang menyertai program ini. Mereka yang berprestasi tinggi akan terus diperbaharui bagi tempoh enam bulan seterusnya.

Sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Ong telah ditubuhkan bagi melaksanakan program ini dan ia dianggotai oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Persatuan-persatuan Teksi dan Limo, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

Kriteria umum bagi pemilihan pemandu teksi sebagai Duta Teksi Pelancongan ialah pemandu yang sentiasa kemas, berperwatakan baik dan menarik serta mempunyai rekod-rekod pemanduan dan perkhidmatan yang terbaik.

Duta-duta Teksi ini akan beroperasi di lokasi-lokasi tumpuan para pelancong seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Terminal Tambang Murah (LCCT), Stesen KL Sentral, Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan seumpamanya.

MATIC akan dijadikan Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bagi program ini untuk membolehkan Duta-duta Teksi Pelancongan ini mendapatkan bahan-bahan promosi seperti brosur produk pelancongan, kalendar acara pelancongan tahunan, cakera padat *Malaysia Truly Asia* dan *Homestay*.

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi dan Publisiti, Tourism Malaysia

Tel: +603 8891 8000; Faks: +603 8891 8788

Email: hendy@tourism.gov.my

Laman web: www.tourismmalaysia.gov.my

Facebook: <http://www.facebook.com/friendofmalaysia>

Twitter: <http://twitter.com/tourismmalaysia>

Blog: <http://blog.tourism.gov.my>